

# Dr Masliza lakar sejarah di Universiti Oxford

**KUALA LUMPUR** - Dr Masliza Mahmood melakar sejarah wanita pertama Malaysia yang dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya bagi Perubatan Kardiovaskular di Universiti Oxford, United Kingdom baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah semalam mengucapkan tahniah kepada Dr Masliza atas kenaikan pangkat tersebut dan mengakui kebijaksanaan serta pencapaian hebat beliau sebagai pakar kardiologi.



DR MASLIZA

"Beliau semangnya seorang pakar kardiologi yang bijak. Meskipun berdepan pelbagai kesulitan dan cabaran, ketabahan serta minat mendalam beliau dalam penyelidikan klinikal menjadikan beliau seorang pakar kardiologi akademik yang ulung.

"Tiada apa yang boleh menghalang beliau untuk terus melangkah ke tahap lebih tinggi. Kita amat berbangga dengan pencapaian Dr Masliza," katanya menerusi laman Facebook beliau.

Menurut Jabatan Perubatan

Radcliffe di Universiti Oxford, penyelidikan Dr Masliza memfokuskan kepada penggunaan pengimajen resonans magnetik kardiovaskular (CMR), teknik-teknik spektroskopi bagi pengesanan awal kelinian jantung dan mencari rawatan baharu untuk pesakit kardiomiopati, kegagalan jantung, penyakit injap aorta serta diabetes mellitus.

Doktor berusia 47 tahun dari Batu Pahat, Johor itu kini menganggotai Jawatankuasa Pemandu Pasukan Petugas Penyelidikan Kegagalan Jantung British Society of Cardiovascular Magnetic Resonance (BSCMR).

- Bernama